

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 NOVEMBER 2016

Dr. M tidak sertai Bersih 5.0

um - 19/11/2016

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Perhimpunan Bersih 5.0 yang dijadualkan berlangsung esok menerima tamparan hebat apabila 'ikon' kepada gerakan itu pada kali ini iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad hampir pasti tidak menyertainya.

Ini kerana bekas Perdana Menteri itu kini berada di Sudan untuk menghadiri satu seminar antarabangsa dan dijadualkan pulang esok malam.

Perkara itu turut disahkan oleh Pegawai Khas beliau, Sufi Yusof yang menjelaskan, Dr. Mahathir telah berlepas ke Sudan pada Rabu lalu.

Sudah tentu perkembangan itu memberi 'kejutan' kepada perhimpunan Bersih 5.0 yang telah dirancang berbulan-bulan lebih awal dengan Dr. Mahathir sendiri hebat mempromosikannya.

Beliau juga baru-baru ini muncul dalam satu video dengan memakai t-shirt Bersih 5.0 berwarna kuning menyeru rakyat supaya menyertai perhimpunan tersebut.

Sebagai rekod, sepanjang 22 tahun mentadbir negara, Dr. Mahathir sendiri tidak membenarkan penganjuran perhimpunan atau demonstrasi diadakan.